

03 JAN 2001

AGONG UTUS TAHNIAH KEPADA MYANMAR

KUALA LUMPUR, 3 Jan (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah menghantar perutusan tahniah kepada pengerusi Majlis Keamanan dan Pembangunan Negara Myanmar Jen Kanan Than Shwe sempena Hari Kemerdekaan ke-53 esok.

"Adalah menjadi harapan kami bahawa hubungan mesra yang sedia ada antara Malaysia dan Myanmar dapat diperkukuhkan pada tahun-tahun akan datang," titah Seri Paduka dalam perutusan itu yang dikeluarkan Wisma Putra di sini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam perutusannya kepada Jen Than Shwe berkata beliau yakin di bawah kepimpinan Jen Than, hubungan antara kedua-dua negara akan terus berkembang demi manfaat bersama.

"Saya ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan tahniah dan selamat maju jaya kepada anda dan rakyat Myanmar," kata Dr Mahathir.

-- BERNAMA

RV AHH NAK